

TARIKH	15 / 9 / 2016	SEKSYEN	PENGALAMAN TUNAI HAJI
MUKA SURAT	36	RUANGAN	

36 Sinar Harian • Khamis 15 September 2016

## PENGALAMAN TUNAI HAJI

**FOKUS**  
Hari ini

# 'Terharu ALLAH pilih kami jadi tetamu tanah suci'

SHAH ALAM - Menerima ibadah haji dan menjalankan kaki ke Mekah, impian semua umat Islam.

Begitu pun, tidak semuanya dapat merasai nikmat menunaikan rukun Islam kelima itu dek kekangan jarak, usia, kewangan, kesihatan dan sebagainya.

Bagi ibu tunggal, Lijah Said, 68, kesempatannya menunaikan ibadah haji pada 1996 ibarat ALLAH SWT menjemputnya ke sana.

"Saya bukan orang ada-ada, dari segi kewangan memang tak mampu. Alhamdulillah, saya buat haji dengan bantuan adik beradik lain.

"Apabila berdiri di depan Kaabah, satu perasan yang tak dapat digambarkan hadir dan tak sememana-mena saya menangis bila pertama kali melihat kiblat umat Islam itu," katanya.

Berkongsi cerita pengalamannya menunaikan haji sewaktu berumur 48 tahun, antara pengalaman yang tidak dapat dilupakan ialah apabila melihat salah seorang jemaah haji meninggal dunia di Masjidil Haram ketika mahu menunaikan solat Subuh.

Selain itu, sepanjang menunaikan

ibadah haji, walaupun di tengah kesesakan jutaan umat manusia, dia tidak hadapi banyak masalah dan sentiasa ada ruang ketika mahu melakukan ibadah tawaf, solat dan sebagainya.

"Walau sesak dan ramai macam mana pun jemaah lain, rasa macam ALLAH tunjuk dan bagi jalan untuk beribadah.

"Memang bersyukur dapat tununaikan haji dan sampai ke Mekah. Kadang-kadang rasa seolah-olah ALLAH memang jemput ke sana, melalui adik beradik yang bantu kewangan dan sepanjang di sana pun seakan dijaga," katanya.

Bagi Rahmah Said, 60, dia tidak mampu untuk menggambarkan perasaan gembira dan syukur setelah berkesempatan menunaikan rukun Islam kelima itu pada tahun lepas.

Namun, cerita dan pengalaman yang dilakunya sepanjang menunaikan haji berbeza dengan pengalaman kakaknya, Lijah.

Berkongsi pengalamannya saat menunaikan ibadah haji, dia menjelaskan masalah kesihatan dan tragedi kren tumbang di Masjidil Haram antara detik pengalaman cemas

yang dilaluinya ketika menunaikan ibadah haji.

"Masa itu, saya baru selesai umrah sunat dan keadaan cuaca di luar memang gelap dan macam ribut pasir. Tiba-tiba, keadaan jadi riuh dan saya terkejut lihat ada jemaah yang berlumuran darah.

"Kemudian, ramai polis datang kawal keadaan yang semakin panik. Saya memang tak tahu ada kren tumbang waktu itu, bila tiba di hotel barulah saya tahu setelah dapat panggilan daripada anak perempuan saya dari Malaysia," katanya kepada *Sinar Harian*.

Selain itu, dia juga berkongsi cerita apabila mengalami demam gastrik sehingga pengsan sejurus tiba di Mekah.

"Waktu di Arafah untuk wuquf, saya mula demam mungkin kerana cuaca dan keadaan yang sesak malah hingga pengsan di sebuah klinik di Mekah.

"Memang terkesan bila badan tiada sikat, tambahan pula dengan jutaan jemaah. Namun Alhamdulillah, berkat kekuatan berada di tanah suci, dapat juga saya selesaikan tawaf dan saif perlaha-lahan," katanya.



Lijah (kiri) bersama adiknya, Zaitun Said, di Bukit Jabar Rahmah pada 1996.